Proceeding Global Vocational Education Symposium
Vol 1, No 1, November 2024, Page 23-27
ISSN 3090-5257 (Media Online)

Penyebaran Doktrin Ajaran Sesat Di Alam Siber : Ancaman Akidah Umat Islam Di Malaysia

Kamsani Bin Md. Saad

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia
Email: kamsani@ptss.edu.my

Abstrak−Fenomena ajaran sesat bukanlah suatu perkara baru kerana ia telah wujud sejak zaman awal Islam di era kerasulan Nabi Muhammad SAW sehinggalah ke hari ini. Masalah ini perlu ditangani segera dan diberi perhatian serius oleh semua pihak dari semasa ke semasa kerana ia mengakibatkan akidah umat Islam menjadi tergelincir dari ajaran Islam yang sebenarnya dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Malah terdapat sebahagian besar dari fahaman tersebut yang jelas menyimpang dan diwartakan sebagai ajaran sesat oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Berdasarkan masalah ini, penulis mengemukakan sebuah kertas konsep yang bertajuk 'Penyebaran Doktrin Ajaran Sesat di Alam Siber : Ancaman Akidah Umat Islam di Malaysia' bagi menjelaskan kepada umat Islam di Malaysia agar berwaspada terhadap gejala ajaran sesat seumpama ini. Sehubungan itu penulis akan membicarakan tentang tiga bentuk doktrin ajaran sesat yang kerap kali muncul dan masih aktif disebarkan melalui pelbagai platform di media sosial antaranya iaitu ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT), ajaran si Hulk dan ajaran Batiniah. Selain itu, kertas konsep ini menjelaskan bahawa dalam kepesatan era kemajuan revolusi industri 4.0 dan era teknologi siber, penyebaran informasi melalui alam maya yang tiada sempadan menjadikan permasalahan ini semakin sukar untuk dibendung kerana ia menimbulkan kekeliruan terhadap masyarakat dalam membezakan sesuatu informasi tersebut sama ada ia benar atau tidak. Adalah diharapkan agar kertas konsep ini mampu membuka jalan kepada para pengkaji untuk melakukan penyelidikan yang berkaitan sebagai satu usaha untuk menangani pelbagai bentuk penyelewengan doktrin ajaran sesat yang jelas menyimpang daripada ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah. Justeru, umat Islam perlu berwaspada dan tidak mudah terpengaruh dengan kemunculan pelbagai aliran baru yang seumpama ini terutamanya bagi mereka yang masih baru berjinak dengan agama Islam.

Kata Kunci: Ahli Sunnah wal Jamaah; Ajaran Sesat; Perjalanan Mimpi Yang Terakhir; Ajaran Si Hulk; Ajaran Batiniah

Abstract−The phenomenon of heresy is not a new matter because it has existed since the early days of Islam in the apostolic era of the Prophet Muhammad SAW until today. This problem needs to be addressed immediately and given serious attention by all parties from time to time because it causes the Islamic faith to slip away from the Islamic teachings that were actually brought by the Prophet Muhammad SAW. In fact, a large part of this understanding is clearly deviant and is being proclaimed as heretical teachings by the Malaysian Islamic Progress Department (JAKIM). Based on this problem, the author put forward a concept paper entitled 'The Spread of Heretical Doctrines in Cyberspace: Threats to the Faith of Muslims in Malaysia' to explain to Muslims in Malaysia to be alert to the symptoms of heretical teachings like this. In this connection, the author will discuss three forms of heretical doctrine that often appear and are still actively spread through various platforms on social media, including the teachings of the Last Dream Journey (PMYT), the teachings of the Hulk and the teachings of Batiniah. Apart from that, this concept paper explains that in the era of rapid progress of the industrial revolution 4.0 and the era of cyber technology, the spread of information through the borderless virtual world makes this problem even more difficult to control because it causes people to be confused in differentiating whether the information is true or not. or not. It is hoped that this concept paper will be able to pave the way for reviewers to carry out related investigations as an effort to deal with various forms of heretical doctrinal abuse which clearly deviate from the teachings of Ahli Sunnah wal Jamaah. Therefore, Muslims need to be alert and not easily influenced by the emergence of various new sects like this, especially for those who are still new to the religion of Islam.

Keywords: Ahlussunnah wal Jamaah; Misguided Teachings; Ending Dream Journey; Hulk's Teachings; Inner Teachings

1. PENDAHULUAN

Isu pengamalan serta penyebaran ajaran sesat bukanlah sesuatu yang baru, bahkan ia telah berlaku sejak kewujudan umat manusia yang pertama iaitu Nabi Adam. Iblis telah bersumpah untuk menyesatkan Adam dan keturunannya dengan mendorong pelbagai jenis maksiat, serta menghalang manusia daripada mengikuti jalan yang benar. Pelbagai jenis penyimpangan, kesesatan dan kekufuran berlaku secara berterusan hasil dorongan dari Iblis yang dilaknat oleh Allah SWT. Segubungan itu, fenomena ajaran sesat telah berlaku ke atas Bani Adam sejak zaman berzaman dengan pelbagai bentuk, seperti menisytiharkan diri sebagai tuhan, atau wakil tuhan, kemunculan nabi-nabi palsu dan perkara-perkara ghaib,. Gerakan ajaran sesat bergerak tanpa disedari sehingga menjadikannya sukar untuk dikesan dan diberantas. Dalam era globalisasi tanpa sempadan serta kemajuan teknologi masa kini, ajaran sesat lebih mudah disebarkan serta lebih sukar untuk dibanteras oleh pihak berkuasa agama. Jelasnya, ajaran sesat merupakan satu bentuk penyakit akidah yang merosakkan aspek kepercayaan (Iman), amalan (Islam), dan spiritual (Ihsan) bagi seseorang Muslim.

Dalam menghadapi gelombang kekusutan dan kecelaruan ajaran sesat, kertas konsep ini dikemukakan sebagai satu wahana kepada warga Malaysia bagi tujuan memberikan pendedahan tentang bahayanya penularan doktrin ajaran sesat yang ditular di media sosial secara meluas dan tanpa sempadan ini. Adalah diharapkan kertas ini mengorak satu langkah permulaan bagi mencetuskan usaha pemantauan dan penyelidikan kepada para penyelidik untuk melaksanakan kajian yang berkaitan dengannya. Sehubungan itu, tindakan serius perlu diambil oleh semua pihak bagi mencegah ajaran sesat sebegini daripada terus berleluasa melalui pelbagai platform media sosial di alam maya yang semakin sukar untuk dibendung.

Copyright © 2024 Kamsani Bin Md. Saad, Page 23
This Journal is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License

Proceeding Global Vocational Education Symposium
Vol 1, No 1, November 2024, Page 23-27
ISSN 3090-5257 (Media Online)

Isu ajaran sesat muncul seiring dengan perjalanan hidup manusia terutama kepada masyarakat Islam yang tidak kukuh pendirian akidahnya dalam agama Islam. Menurut Abdul Hamid (2006), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyenaraikan 155 ajaran yang difatwakan sebagai sesat di negara ini sejak tahun 1950 sehingga kini terutama dalam kalangan masyarakat Melayu, Pelbagai kepercayaan yang berunsur khurafat telah dikesan wujud dalam masyarakat Melayu di zaman dahulu kala sebagaimana yang dicatatkan oleh sebahagian ahli sejarah yang berunsurkan Animisme dan Hinduisme. Kepercayaan Animisme biasanya melibatkan pemujaan dan penghambaan diri kepada satu kuasa yang dianggap mempunyai kekuatan untuk membawa nasib baik atau buruk kepada manusia. Akibatnya, nyawa dan roh yang diyakini berkuasa itu perlu dijaga dan dilayan dengan sebaik mungkin agar ia tidak memberi malapetaka kepada manusia.

Menurut Abu Anas (2013), antara ajaran sesat yang dikesan sebagai yang terawal muncul di Tanah Melayu ialah ajaran Ahmad Matahari yang memperkenalkan ajaran Taslim di Kampung Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang sekitar akhir abad ke-19. Pada tahun 1930-an, muncul beberapa ajaran yang menyimpang dari akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah, seperti ajaran Qadiani atau Ahmadiah di beberapa lokasi di Selangor seperti Jeram, Sungai Tua, Sungai Buluh, dan Kampung Nakhoda. Pada sekitar tahun 1950-an, muncul ajaran Subud dan ajaran Martabat Tujuh di Kelantan. Ajaran-ajaran tersebut tersebar hampir di setiap negeri di Malaysia. Ajaran Subud kemudian berjaya dihapuskan hingga ke akar umbi dan pengaruhnya menjadi semakin lemah.

Abu Anas (2013), menyatakan bahawa pada tahun1960-an muncul ajaran Tarikat Mufarridah, Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol, dan beberapa lagi. Pada tahun 1970-an, muncul pula Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya, Ajaran Nordin Putih, dan beberapa lagi. Pada awal tahun 1980-an menyaksikan munculnya kumpulan Anti-Hadis, fahaman Syiah dan kumpulan Al-Arqam dengan ajaran Aurad Muhammadiyah yang bergerak aktif dengan cara mereka yang tersendiri sehingga menjadi mereka satu kumpulan yang amat berpengaruh dalam negara. Pada tahun 90-an muncul pula ajaran Nabi palsu Haji Kahar, ajaran Ayah Pin dan ajaran Tuhan Harun (Harun Mat Isa) yang berjaya merekrut ramai pengikutnya dari kalangan umat Islam. Ajaran-ajaran tersebut sudah difatwakan dan digazetkan sebagai menyeleweng melalui muzakarah fatwa negeri-negeri. Jika kepercayaan dan doktrin seperti ini dibiarkan berlarutan tanpa pengawasan pihak yang berwajib, maka ia mungkin boleh mengakibatkan kesesatan yang berlanjutan terhadap akidah umat Islam.

Pelbagai bentuk doktrin ajaran sesat yang telah dijelaskan tadi merujuk kepada prinsip atau kepercayaan tertentu yang menjadi asas kepercayaan dan amalan bagi sesebuah kumpulan dalam megamalkan bentuk ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar. Istilah ‘Doktrin’ merujuk kepada prinsip atau kepercayaan yang dianggap benar dan satu-satunya yang boleh diterima sebagai kepercayaan dan amalan. Antara bentuk-bentuk doktrin umum dalam ajaran sesat termasuklah dakwaan tentang wujudnya agama atau ajaran baru, beriman kepada kitab suci selain Al-Quran, meyakini wujudnya nabi atau rasul selepas Nabi Muhammad SAW, beriktikad dengan syariat baru yang bertentangan dengan syariat yang telah difahami sebelumnya, dan membuat tafsiran agama yang menyimpang daripada Al-Quran dan Al-Sunnah. Semua doktrin atau dakwaan dalam ajaran sesat tersebut merupakan pencemaran terhadap ajaran Islam yang suci.

2. METODE PENELITIAN

2.1 Penyebaran Doktrin Ajaran Sesat di Alamat Maya

Seiring dengan kepesatan pembangunan dan kemajuan dalam bidang teknologi dan maklumat yang melanda dunia, umat Islam turut menikmati kemajuan ini dan turut serta menggunakan medium siber dalam teknologi sebagai bentuk dalam sebaran maklumat. Menurut Siti Razmah (2016), umat Islam pada masa kini dapat melakukan dakwah melalui alam maya yang tersedia bagi memperkuatkan lagi gerakan dakwah. Namun dalam masa yang sama, penyebaran ajaran sesat juga berlaku secara meluas di alam siber, terutamanya melalui laman media sosial seperti ‘Facebook’ dan ‘Twitter’ yang menyediakan platform bagi memperluaskan rangkaian komunikasi sosial. Ini membolehkan pengguna laman media sosial berkenaan berinteraksi dengan para pengguna dari seluruh dunia. Di samping itu, laman ‘Youtube’ menyediakan pelbagai informasi yang disebarkan melalui pelbagai video yang dimuat turun oleh penggunanya dengan begitu pesat. Menurut Siti Ezaleila (2015), melalui era digital masa kini secara tidak langsung telah mencipta satu kaedah baru dalam penyebaran maklumat bagi semua perkara termasuk doktrin ajaran sesat. Ini merupakan satu bentuk perkembangan negatif dalam menyebarkan fahaman yang salah kepada masyarakat dunia secara meluas. Justeru, pihak kerajaan perlu memberi perhatian yang serius dan memikirkan langkah-langkah yang bersesuaian dalam mengawal serta memerangi ajaran sesat melalui yang disebarkan melalui ruang siber demi keselamatan dan kesejahteraan akidah umat Islam.

Berdasarkan berita yang disiarkan melalui laman sesawang FMT yang bertarikh 30 May 2022 menyatakan bahawa sejak tahun 2022, di Selangor sahaja merekodkan 40 ajaran sesat yang disebarkan melalui media sosial di alam maya. Pada tarikh 27 Mei, 2024, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) mengeluarkan kenyataan rasminya untuk memantau serta menyekat sebarang penyebaran sebarang video berunsur ajaran sesat yang tular di media sosial. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta majlis-majlis agama negeri dalam usaha mengenal pasti dan mengekang penularan bahan-bahan seperti itu dalam usaha membanteras doktrin ajaran sesat yang banyak disebarkan melalui platform ‘Youtube’ dan ‘Telegram’ sebagai medium interaksi antara pemimpin bersama pengikutnya.

Copyright © 2024 Kamsani Bin Md. Saad, Page 24
This Journal is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License

Sehubungan itu, dalam kertas ini penulis akan membicarakan tentang tiga doktrin ajaran sesat yang paling berpengaruh dalam negara dan dikenal pasti telah disebarkan secara meluas melalui beberapa platform di media sosial sejak tahun 2020 sehingga 2024 berdasarkan topik carian di laman web 'Google Trends' bagi mengenal pasti sesuatu topik atau kata kunci yang paling popular dilayari oleh para pengguna internet itu sama ada ia adalah tetap, bermusim atau dipengaruhi oleh sesuatu peristiwa terpencil yang tertentu.

3. HASIL DAN PEMBAHASAN

3.1 Perjalanan Mimpi yang Terakhir (PMYT)

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan siasatan telah dijalankan terhadap pemilik akaun 'Facebook' iaitu 'Masitah Ab Jalar' atau dikenali dengan nama Sittah Annur yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kumpulan ajaran sesat yang dikenali sebagai 'Perjalanan Mimpi Yang Terakhir' (PMYT).

Doktrin ini dipelopori oleh seorang wanita yang bernama Sittah Annur yang mendakwa bahawa beliau pengakuan mempunyai keistimewaan dan berupaya membuat ramalan berkaitan sesuatu yang akan berlaku pada masa depan. Beliau mendakwa dirinya sebagai 'insan pilihan Tuhan' dan hanya dia mampu untuk menyelamatkan manusia di akhir zaman. Beliau mendakwa kononnya akan berlaku Perang Dunia Ketiga yang bermula di Sabah dan memimpin pasukan mencari imam Mahdi untuk melawan musuh.

Sittah turut mendakwa bahawa mimpi perjalanan terakhir diturunkan kepadanya sebagai panduan kepada umat yang lain. Beliau mendakwa sesiapa sahaja yang menyakiti atau menghalang penyampaian ajaran ini maka boleh dicabut nyawanya oleh Allah. Justeru, ajaran sebegini telah mengundang ketakutan dalam kalangan pengikutnya supaya membolehkan mereka menuruti apa sahaja arahannya.

Beliau telah berhubung dengan para pengikutnya secara alam maya di media sosial dan tanpa melakukan pertemuan secara bersemuka. Kumpulan ajaran sesat itu dikatakan mempunyai 22 akaun 'Telegram' di seluruh negara. Pengikutnya dianggarkan seramai 3000 orang yang kebanyakannya terdiri dari golongan profesional seperti doktor, jurutera, pensyarah dan guru.

Melalui kenyataan akhbar Sinar Harian bertarikh 18 September 2021 nelaporkan bahawa Mesyuarat Khas Muzakarah Fatwa Kebangsaan (MFK) memutuskan bahawa ajaran 'Perjalanan Mimpi Yang Terakhir' (PMYT) adalah bercanggah dengan akidah Islam, bertentangan dengan hukum syarak dan membahayakan keselamatan negara. Sehubungan itu Masitah yang juga dikenali sebagai Sittah Annur telah ditahan oleh pihak berkuasa pada tarikh 4 September 2021. Wanita tersebut bagaimanapun telah mengisytiharkan taubat menerusi satu majlis pengisytiharan 'Istitabah' di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor.

3.2 Ajaran Si Hulk

Berdasarkan satu doktrin yang dikenali sebagai 'Ajaran Si Hulk' maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bertarikh 22 Julai 2021 telah mewartakan kenyataan rasminya seperti berikut: Fahaman dan ajaran yang diasaskan oleh Suhaini bin Mohammad atau Suhai Ibni Mohammad atau Si Hulk atau apa jua nama atau gelaran yang dikaitkan dengan Suhaini bin Mohammad adalah satu ajaran sesat, menyeleweng dan bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Antara fahaman dan ajaran Suhaini bin Mohammad yang bertentangan dengan akidah, syariah dan Islam seperti berikut:

1. Mendakwa Nabi Muhammad SAW adalah tuhan. (Melalui video di Youtube bertajuk : Sesat Atau Benar bertarikh 4 April 2020).
2. Membuat dakwaan Nabi Muhammad SAW adalah tuhan yang Esa, bersalahan dengan makhluk. Baginda tidak beranak dan tidak diperanakkan, Nabi Muhammad adalah induk (ummi) dan semua makhluk adalah cahaya (nur) baginda yang diseru Allah kepada baginda. (Sumber : Melalui status facebook yang dimuat naik oleh Suhai Ibni Mohammad).
3. Menyatakan bahawa Nabi Muhammad tidak mempunyai jantina. (Sumber : Status facebook yang dimuat naik beliau pada tahun 2018).
4. Kelazatan melihat wajah Allah (wajah Rasulullah) adalah penyebab lahirnya zuriat Nabi Muhammad yang dikandungkan oleh Saidatina Khadijah. (Sumber : Status facebook yang dimuat naik beliau pada tahun 2018).
5. Membuat tafsiran palsu terhadap satu hadis Nabi SAW dengan mendakwa bahawa Nabi tiada kemaluan. (Sumber : Petikan daripada Youtube Transformation Academy ucapan Suhaini Bin Mohammad bertajuk Nabi tiada kemaluan).
6. Membuat tafsiran yang menyeleweng pada ayat Al-Quran dalam surah Al-Baqarah ayat 35 dan surah Taha ayat 120 iaitu ayat yang melarang Nabi Adam dan isterinya memakan buah larangan. Kata Suhaini Mohammad : "Adam makan buah Hawa melalui mulut atas lalu jadilah halkum, manakala Hawa makan buah Nabi Adam melalui mulut bawah lalu jadilah ovari yang akibatnya menyebabkan wanita datang haid setiap bulan". (Sumber: Petikan daripada Youtube Transformation Academy ucapan Suhaini bin Mohammad bertajuk sesat atau benar).
7. Mereka cipta hadis palsu yang didakwa sebagai hadis Qudsi yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad itu Esa. (Sumber: Petikan daripada Youtube Transformation Academy ucapan Suhaini bin Mohammad bertajuk Ahmad tanpa Mim).

Copyright © 2024 Kamsani Bin Md. Saad, Page 25
This Journal is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License

8. Menyatakan bahawa Nabi Muhammad tiada kemaluan dan menyatakan bahawa peristiwa Saidina Ali melihat baginda tidak mempunyai kemaluan menyebabkan Saidina Ali mendapat gelaran Karamallahu Wajhah. (Sumber: Petikan daripada Youtube Transformation Academy ucapan Suhaini bin Mohammad bertajuk Saidina Ali melihat keesaan Nabi).
9. Melakukan penipuan terhadap produk-produk yang dikeluarkannya seperti air dan botol Si Hulk untuk menarik minat orang membelinya seperti:
   a. Melakukan tafsiran yang salah terhadap ayat Al-Quran pada surah Al-Baqarah ayat 248 dengan mendakwa bahawa kotak Si Hulk itu adalah peti Tabut yang menjadi rebutan. (Sumber : Status facebook Si Hulk).
   b. Mendakwa bahawa air Si Hulk merupakan air hayat iaitu air yang diperoleh Nabi Khidir menjadikan baginda mampu hidup sehingga hari kiamat.
   c. Membuat dakwaan bahawa botol Si Hulk digunakan untuk melaksanakan ritual menangkap jin ke dalam botol.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor memutuskan bahawa fahaman dan ajaran Suhaini Bin Mohammad sebagaimana yang dinyatakan adalah diharamkan dan dilarang. Fahaman dan ajaran yang dibawa oleh Suhaini bin Mohammad ini hendaklah disekat dengan apa cara sekalipun daripada disebarkan di Negeri Johor. Setiap orang Islam hendaklah menjauhi ajaran yang dibawa oleh Suhaini bin Mohammad ini dan dilarang berpegang, menyebarkan dan mengamalkan ajaran ini dan sesiapa yang telah terlibat dengan ajaran ini dikehendaki segera bertaubat.

Pada tarikh 21 Jul 2023, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak memutuskan fahaman serta ajaran yang diasaskan Suhaini bin Mohammad adalah sesat, menyeleweng daripada ajaran Islam menurut akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah. Menurut laporan akhbar Harian Metro bertarikh 11 April 2024, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) mengadakan perbincangan dengan pihak 'TikTok' untuk membantu terutama aspek penguatkuasaan, bagi memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (Artifical Intelligence) dalam mengenalpasti kandungan membabitkan penyebaran ajaran sesat Si Hulk. Ini juga untuk melancarkan proses menjejak penyebaran video dan perkongsiannya di media sosial seperti di platform 'TikTok'.

3.3 Ajaran Batiniah

Menurut Abdulfatah Haron (2010), ajaran 'Tarekat Batiniah' yang disebarkan kepada masyarakat Islam merupakan satu bentuk gerakan Islam yang berselindung disebalik nama satu kumpulan tarekat. Terdapat antara pengikutnya yang berkeyakinan bahawa setiap perkara selain Allah adalah tidak wujud. Mereka percaya bahawa Allah boleh menjelma dalam rupa bentuk makhluk dalam rupa bentuk wajah manusia, wajah guru-guru mereka, bentuk binatang, pokok, dan seumpama dengannya. Mereka mendakwa bahawa Allah bersatu dengan makhluk. Mereka memisahkan hakikat (akidah) dengan syariat sehingga membolehkan seseorang terlepas daripada berpegang kepada syariat Islam sehingga tidak perlu untuk melaksanakan solat. Selain itu, mereka mendakwa Dajjal tidak wujud dan mereka meyakini bahawa Allah menciptakan manusia bukan untuk menyembah-Nya tetapi adalah kerana Allah merindukan mereka.

Dalam konteks negara Malaysia, antara individu berpengaruh yang berkait rapat dengan ajaran seumpama ini dikenali sebagai 'Lepat' atau nama sebenarnya ialah Ismail bin Ariffin. Individu ini sering muncul di media sosial dengan membawa satu ajaran yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah kerana menolak syariat (tidak perlu melakukan solat dan ibadah-ibadah lain) kerana merasakan dirinya sudah berada di tingkatan makrifat yang tinggi hampir dengan Allah. Masih ramai pengikutnya yang mengikuti pengajarannya di media sosial khasnya di laman 'Facebook' dan 'Youtube'.

Pengaruh daripada ajaran yang didakwanya telah dipelajari melalui tarekat sesat ini tanpa disedari telah meresapi ke dalam jiwa segelintir masyarakat Islam secara halus melalui media sosial. Perkara ini menjadi bukti bahawa masyarakat Islam kini sedang berada di dalam keadaan akidah yang meragukan. Penggunaan media sosial tanpa sempadan sudah menjadi salah satu faktor utama berlakunya penyebaran ilmu-ilmu tarekat Batiniah yang menyesatkan dan didapati semakin sukar dibendung. Justeru, individu-individu yang terlibat dengan ajaran Batiniah seperti Ismail bin Ariffin (Lepat) dan seumpamanya semestinya disekat dan diambil tindakan dengan mewartakannya sebagai satu bentuk ajaran sesat di Malaysia seperti yang telah dilaksanakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis ke-45 yang bertarikh 25 sehingga 26 Februari tahun 2020.

Sekiranya ajaran Batiniah ini diterima dan diamalkan oleh masyarakat Islam, maka tidak akan ada lagi perbezaan antara tauhid dan syirik, malah syariat juga akan terbatal. Al-Quran akan ditafsirkan mengikut hawa nafsu mereka tanpa panduan syarak, malah akan dipersenda dengan sewenang-wenangnya. Justeru, peranan membasmi penyebaran doktrin ajaran sesat adalah terletak di atas bahu setiap umat Islam secara kolektif, sama ada melalui institusi agama, institusi pendidikan, institusi kerajaan dan kementerian.

4. KESIMPULAN

Doktrin ajaran sesat yang melibatkan persoalan-persoalan akidah Islam akan mempengaruhi kehidupan umat Islam, sehingga penting bagi pihak berkuasa, para ulama, dan masyarakat umum untuk memberi perhatian terhadap penyebaran ajaran sesat serta memastikan tindakan efektif diambil untuk mengatasinya demi kelestarian agama dan

Copyright © 2024 Kamsani Bin Md. Saad, Page 26
This Journal is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License

keamanan umat Islam. Namun demikian, masih terdapat kekurangan dalam penyelesaian secara memuaskan dari aspek perhatian yang mencukupi dan pemantauan yang telus. Untuk menangani penyebaran ajaran sesat yang menggunakan berbagai modus operandi, pihak kerajaan perlu mengambil inisiatif berdasarkan beberapa aspek, yaitu pendidikan dan kesedaran, di mana kesedaran masyarakat tentang bahaya ajaran sesat perlu ditingkatkan melalui pendidikan, kempen kesedaran, dan penerangan awam yang dapat diintegrasikan ke dalam kurikulum pendidikan, program kesedaran awam, ceramah, dan khutbah Jumaat. Selain itu, penegasan undang-undang juga penting dengan menerapkan undang-undang yang ada, seperti Akta Agama dan undang-undang lain yang relevan, serta pengembangan undang-undang baru jika diperlukan. Di samping itu, pelaksanaan penyelidikan dan pemantauan secara berterusan terhadap kelompok yang diduga menyebarkan ajaran sesat perlu dilakukan, termasuk pemantauan aktivitas dalam talian dan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan lokal maupun antarabangsa. Langkah lain yang diperlukan adalah pembentukan jawatankuasa atau agensi khas yang bertanggungjawab dalam menangani isu ajaran sesat, seperti 'task force' khusus yang terdiri dari perwakilan berbagai kementerian dan badan penguatkuasa. Kerjasama antarabangsa juga perlu diperkukuh untuk memerangi penyebaran ajaran sesat lintas sempadan, sementara pembangunan kapasiti dan latihan bagi pegawai penguatkuasa, imam, pendakwah, serta pemimpin masyarakat sangat penting untuk memperlengkap mereka dalam mengenal pasti, menangani, dan menangkis ajaran sesat dengan lebih efektif. Langkah-langkah ini adalah esensial dalam memastikan keselamatan dan keamanan masyarakat serta kelestarian ajaran Islam yang sejati dalam diri setiap individu Islam.

REFERENCES

Abdulfatah Haron Ibrahim. (2010). Ajaran Sesat: Gerakan Sulit Wujudiah-Batiniah di Malaysia. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hamid@Yusoff Yunus. (2006). Penjelasan terhadap 58 ciri ajaran sesat di Malaysia. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abu Anas Madani. (2013). Kenali & jauhi ajaran sesat di Malaysia. (atas talian) https://abuanasmadani.com/kenali-jauhi-ajaran-sesat-di-malaysia/ (Bahan diakses pada 3 Mei 2024).

Aqilah Mior Kamarulbaid. (6 September, 2021). Kawal Ketat Media Sosial Elak Ajaran Sesat. Utusan Malaysia https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2021/09/kawal-ketat-media-sosial-elak-ajaran-sesat/ (Bahan diakses pada 5 April 2024)

FMT. (30 Mei, 2022). Selangor Pantau 40 Ajaran Sesat Termasuk di Alam Siber. (atas talian) https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/05/30/selangor-pantau-40-ajaran-sesat-termasuk-di-alam-siber/ (Bahan diakses pada 5 April 2024)

Jabatan Mufti Johor. (22 Julai, 2021). Fatwa Ajaran Meragukan Suhaini Mohammad (SI HULK). (atas talian) https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=98 (Bahan diakses pada 5 April 2024)

Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi, Arena Che Kasim, Norul Huda Sarnon, Salina Nen & Nor Jana Saim. (2016). Penggunaan Dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z. Kertas Kerja International Conference on Social and Economic Development (ICSED) (2016). Anjuran School of Social and Economic Development, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, 1-3 November.

Kamus Dewan. (Edisi ke-4). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke – 45 /2020. Bil 1/45 tahun 2020. Fatwa Ajaran Batiniah. (atas talian) https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/387-fatwa-ajaran-batiniah (Bahan diakses pada 3 Mei 2024).

Majalah Al-Ustaz. Isu No. 18. (2021). Berhati-hatilah dengan ajaran Tarekat Kebatinan. Telaga Biru Dan Malaysia Gazzete, 15 Disember. (atas talian) https://alhaqcentremalaysia.com/?p=2550 (Bahan diakses pada 10 Jun 2023).

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2015). Ajaran sesat merungkai kekusutan dan kecelaruan. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid. (22 Julai, 2023). Ajaran Sesat Si Hulk: KKD Bincang Dengan TikTok. Harian Metro. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/990626/ajaran-sesat-sihulk-kkd-bincang-dengan-tiktok (Bahan diakses pada 5 April 2024)

Mohd Farid Mohd Shahran. (2016). Ancaman Akidah Dan Pemikiran Islam Di Alam Siber. Prosiding Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber.

Portal Rasmi Kementerian Komunikasi. (2024). Kementerian Komunikasi dan Digital KKD Pantau, Sekat Video Sebar Ajaran Sesat di Media Sosial. https://www.kkd.gov.my/en/public/news/24035-kkd-pantau-sekat-video-sebar-ajaran-sesat-di-media-sosial (Bahan diakses pada 5 April 2024)

Shamrahayu A.Aziz. (2016). Pengembangan Doktrin Dan Kepercayaan Bukan Islam Di Alam Siber: Latar Perundangan Di Malaysia. Prosiding Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber.

Sinar Harian. (16 Jun, 2023). Ahli Kumpulan Ajaran Suhaini Mohammad Ditahan di Jasin. (atas talian) https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ahli-kumpulan-ajaran-suhaini-mohammad-ditahan-di-jasin-424167 (Bahan diakses pada 5 April 2024)

Siti Razmah Idris. (2016). Diayah Di Alam Siber: Ancaman Kepada Kesejahteraan Gaya Hidup Muslim. Prosiding Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber.

Siti Ezaleila Mustafa. (2015). Media Jaringan Sosial: Penggunaan dan Pengaruhnya. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zaharuddin Abd Rahman (2012), Ledakan Facebook Antara Pahala & Dosa, Batu Caves: PTS Islamika.

Copyright © 2024 Kamsani Bin Md. Saad, Page 27
This Journal is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License